

## **BAB DUA**

### **KONSEP MIGRASI**

#### **2.1 Definisi Migrasi**

Tidak ada definisi yang khusus dan tepat dapat menerangkan maksud sebenar migrasi. Ini adalah kerana migrasi melibatkan pelbagai jenis manusia, destinasi tujuan dan juga negara asal migran yang berselerak di merata pelosok dunia. Kesukaran dalam mendefinisikan migrasi juga adalah disebabkan oleh tidak terdapatnya cara yang unik bagi mengukur migrasi. Sebagai contoh pendekatan de-facto yang digunakan oleh Malaysia bagi mengukur migrasi dalam banci penduduknya berbeza dengan pendekatan de-jure yang digunakan oleh Indonesia dan Jepun (Oberai, 1987). Ketidakseragaman inilah yang menjadi punca kesukaran dalam mengenal pasti identiti seseorang migran itu sendiri.

Antara aspek migrasi yang paling rumit, mengikut pendapat Oberai (1987), ialah mendefinisikan migrasi. Dalam istilah longgarnya, migrasi boleh didefinisikan sebagai “permanent change of residence”. Secara klasik, Lee (1966) mentakrifkan migrasi sebagai “a permanent or semi-permanent change of residence”. Mangalam (1968) dalam Oberai (1987) pula mendefinisikan migrasi sebagai “a change of residence over the pre-defined boundaries of an area for a period of one or more year”. Manakala Boyle (1998) dalam Castle (2000) mendefinisikan migrasi sebagai “crossing the boundary of a political or administrative unit for a certain minimum period”.

Selain itu migrasi juga boleh didefinisikan berdasarkan kriteria-kriteria berikut (Oberai, 1987):

1) Kriteria Reruang (Spatial Criteria)

Mengikut kriteria ini, definisi sebenar migrasi perlu mengambil kira kawasan liputan (area of coverage) dan jangkauan jarak sesuatu pergerakan (distance). Migrasi boleh berlaku dalam satu daerah, wilayah, negeri malah di antara sesebuah negara dengan satu negara yang lain. Manakala, pergerakan yang melibatkan jarak yang dekat tidak dianggap sebagai migrasi.

2) Kriteria Tempat Kediaman (Residential Criteria)

Salah satu cara bagi mengumpul maklumat mengenai migrasi ialah dengan menjalankan bancian atau survei. Seseorang migran boleh dikenal pasti identitinya berdasarkan tempat tinggal yang biasa (usual) didiaminya (pendekatan de-jure) dan berdasarkan kepada tempat tinggal semasa (current) yang didudukinya (pendekatan de-facto).

3) Kriteria Temporal

Kriteria ini menjawab persoalan mengenai, berapa lama seseorang yang tinggal di sesuatu kawasan itu dianggap sebagai migran? Sebagai contoh, lazimnya sesuatu survei itu mendefinisikan migran sebagai mereka yang berpindah sejak lima tahun yang lalu (Bilsborrow et. al., 1984 dalam Oberai, 1987). Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam memberikan

definisi migrasi antarabangsa pula mengutarakan bahawa, imigran jangka panjang ialah seseorang yang tinggal di sesebuah negara dalam jangka masa setahun atau lebih.

#### 4) Kriteria Aktiviti

Bagi membolehkan sesuatu definisi itu dikenali sebagai migrasi ia perlu melibatkan pengubahan, bukan sahaja tempat tinggal, malah pengubahan tempat berlakunya sesuatu aktiviti. Kedua-dua kriteria ini perlu secara serentak diambil kira dalam definisi migrasi. Goldscheider (1974) dalam Weeks (1999) mendefinisikan migrasi sebagai “detachment from the organization of activities at one place and the movement of the total round of activities to another.” Walaupun seseorang itu mengubah tempat tinggal mereka secara kekal, namun sekiranya jarak perpindahan tersebut hanya melibatkan jarak yang dekat dan tidak mengubah aktiviti harian seseorang, maka individu tersebut tidak dianggap sebagai migran sebaliknya sebagai seorang “mover”.

Definisi migrasi tidak terhad kepada kriteria-kriteria di atas sahaja. Lewis (1982) dalam Lucas (1994) berpendapat migrasi juga perlu mengambil kira faktor sosial seperti penyesuaian diri para migran dalam komuniti yang baru, penggunaan bahasa pertuturan masyarakat tempatan serta kebolehan menyesuaikan diri dalam budaya mereka.

Melalui pelbagai versi definisi yang telah diutarakan, jelas tidak ada satu pun definisi yang khusus dapat menggambarkan fenomena migrasi yang sebenar. Para pengkaji migrasi memberikan takrif yang berbeza-beza mengikut kesesuaian tujuan, metodologi, liputan dan batasan kajian mereka. Namun begitu bagi memudahkan tujuan kajian ini, definisi migrasi

sebagaimana yang dianjurkan oleh Weeks (1999) boleh ditakrifkan sebagai “Anyone who moves permanently (which the UN defines as spending at least one year in the new locale) to another geographic region of the same country, and all who moves permanently to another country, can be defined as migrants.”

## **2.2 Jenis Migrasi**

Secara umumnya migrasi boleh dikategorikan kepada migrasi dalaman (internal migration) dan migrasi antarabangsa (international migration).

### **2.2.1 Migrasi Dalaman**

Migrasi jenis ini berlaku apabila seseorang itu berpindah atau menetap dari satu kawasan ke satunya yang lain di dalam sempadan sesebuah negara. Orang yang keluar dari tempat asal mereka dipanggil migran keluar (out-migrant) manakala orang yang memasuki tempat yang ditujuinya itu dipanggil migran masuk (in-migrant).

Migrasi dalaman seterusnya dibahagikan pula kepada empat jenis iaitu:

- i. migrasi antara luar bandar ke bandar (rural-urban migration);
- ii. migrasi antara bandar ke luar bandar (urban-rural migration);
- iii. migrasi antara bandar ke bandar (urban-urban migration); dan
- iv. migrasi antara luar bandar ke luar bandar (rural-rural migration).

## **2.2.2 Migrasi Antarabangsa**

Ia melibatkan perpindahan seseorang dari sebuah negara ke sebuah negara yang lain. Di sini orang yang keluar berpindah dari sebuah negara itu dipanggil emigrant manakala orang yang masuk ke dalam sebuah negara pula dipanggil immigrant. Appleyard (1992) seterusnya mengkategorikan migrasi antarabangsa kepada enam jenis seperti berikut:

- i. tetap (permanent) termasuk “family reunion”;
- ii. pekerja kontrak sementara (temporary contract workers) yang menetap untuk tempoh dua tahun. Pekerja dalam kategori ini termasuklah pekerja separuh mahir dan tidak mahir;
- iii. pekerja profesional dan mahir yang bekerja untuk syarikat-syarikat multinasional;
- iv. pekerja tidak sah (clandestine);
- v. orang yang mencari perlindungan politik (asylum seeker); dan
- vi. pelarian (refugee).

## **2.3 Teori Migrasi Antarabangsa**

Antara teori terkemuka yang menerangkan pelbagai aspek migrasi antarabangsa seperti yang dianjurkan oleh Massey (1993) dalam Weeks (1999) ialah:

### **2.3.1 Pendekatan Ekonomi Neoklasik (The Neoclassical Economic Approach)**

Dengan mengaplikasikan paradigma penawaran dan permintaan klasik, teori ini menganjurkan bahawa migrasi merupakan satu proses penyesuaian buruh (labour adjustment) yang disebabkan oleh perbezaan geografi dalam penawaran dan permintaan buruh. Negara yang berada di tahap pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan dan mengalami kekurangan tenaga buruh mempunyai kadar upah yang tinggi berbanding dengan negara yang kurang maju yang mempunyai tenaga buruh yang ramai. Perbezaan inilah yang menyebabkan manusia berpindah iaitu dari negara yang kadar upahnya rendah ke negara yang kadar upahnya tinggi. Selain itu migrasi dilihat sebagai satu bentuk pelaburan modal manusia. Manusia berpindah ke tempat di mana wujudnya peluang, bukan sahaja dalam bentuk upah malah peluang dalam bentuk meningkatkan kemahiran sama ada dari segi pendidikan, pengalaman, latihan dan kemahiran bertutur dalam bahasa asing.

### **2.3.2 Teori Ekonomi Isi Rumah Baru (The New Household Economics of Migration)**

Mengikut teori ini, faktor yang menjadi pendorong bagi seseorang manusia itu berpindah ialah untuk kebaikan seluruh isi rumah. Manusia bertindak secara kumpulan, bukan sahaja untuk memaksimumkan pendapatan tetapi juga untuk meminimumkan risiko. Teori ini melihat migrasi sebagai satu kaedah untuk mempelbagaikan sumber pendapatan sesebuah keluarga.

### **2.3.3 Teori Dwi Pasaran Buruh (Dual Labour Market Theory)**

Terdapat dua jenis pasaran buruh yang diutarakan dalam teori ini. Pasaran buruh yang pertama ialah sektor primer (primary sector). Sektor ini mengambil orang yang berpendidikan tinggi sebagai pekerja, membayar upah yang lumayan serta menawarkan keselamatan serta pelbagai jenis faedah. Manakala di sektor yang lain pula iaitu sektor sekunder (secondary sector), seseorang manusia itu dibayar dengan gaji yang rendah, persekitaran kerja yang tidak stabil dan prospek kerja yang kabur. Perbezaan inilah yang mewujudkan peluang manusia untuk bermigrasi.

### **2.3.4 Teori Sistem Dunia (World Systems Theory)**

Perkembangan dan pertumbuhan ekonomi yang pesat di negara-negara Eropah Barat, Amerika Utara dan Jepun menjadikan negara-negara ini sebagai destinasi tujuan utama oleh negara-negara lain di dunia (peripheral countries). Negara-negara ini sangat bergantung kepada negara-negara maju bagi membangunkan ekonomi mereka.

### **2.3.5 Teori Rangkaian (Network Theory)**

Mengikut teori ini faktor-faktor seperti hubungan kekeluargaan, persahabatan dan berasal dari tempat yang sama, membantu mempercepatkan lagi proses migrasi. Cara ini dapat

mengurangkan kos serta risiko perpindahan dan meningkatkan pulangan bersih jangkaan dari migrasi (the expected net returns to migration).

### **2.3.6 Teori Institusional (Institutional Theory)**

Teori ini menganjurkan bahawa kewujudan migrasi telah dipermudahkan dengan penubuhan organisasi/institusi yang melancarkan lagi arah aliran imigrasi. Organisasi ini menyediakan pelbagai perkhidmatan seperti perlindungan kemanusiaan sehinggalah pengeksplotasian manusia seperti penyeludupan manusia yang menyeberangi sempadan dan penyediaan dokumen-dokumen palsu. Kenyataan ini adalah benar dalam keadaan di mana kawalan kerajaan mengenai arah aliran migrasi diperketat.

## **2.4 Pengukuran Migrasi**

Data-data mengenai migrasi boleh diperoleh dari pelbagai sumber. Antaranya ialah banci, daftar penduduk, maklumat ketibaan dan pelepasan oleh pihak berkuasa imigresen dan soal selidik yang dibentuk bagi mengkaji pergerakan penduduk.

Secara khususnya, maklumat mengenai migrasi antarabangsa seperti yang diutarakan oleh Elspeth Young dalam Lucas (1994) boleh diperoleh daripada sumber-sumber data dari:

- i. statistik yang diperoleh oleh pihak imigresen di sempadan sesebuah negara;

- ii. daftar penduduk dan rekod-rekod pentadbiran lain yang mengesan pergerakan warga asing; dan
- iii. benci penduduk yang mengajukan persoalan mengenai tempat lahir, tempat tinggal dahulu, tempoh tinggal dan kewarganegaraan.

Namun begitu, seperti yang dianjurkan oleh Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (1953), sistem pengumpulan sempadan (the border collection system) yang berdasarkan maklumat-maklumat yang diperoleh dari kad ketibaan dan pelepasan yang diisi oleh orang ramai dalam proses imigresen dan kastam, merupakan kaedah yang sesuai bagi mengukur migrasi antarabangsa. Bagi menyeragamkan angka-angka ketibaan dan pelepasan, orang ramai yang menjalani proses imigresen perlu dibahagikan kepada “permanent immigrants and emigrants” serta “temporary movers”.